

Newspaper	Berita Harian
Date	22 October 2015

SOE, SWASTA PERLU PENGURUSAN RISIKO LEBIH BAIK

» Kepelbagaian jantina, umur, kaum, tahap pendidikan turut penting bagi syarikat berdepan persekitaran mencabar

enjurusan lisikn baik penting H ^ i i n l u k syarikal milik B T ^ kerajaan (SOK) dan • I swasta bertahan cialani herdepan persekitaran global serta domestik yang mencabar ketika ini.

Timbalan Pengerusi Khazanah Nasional Bhd. Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, berkata kepelbagaian dari segi jantina, umur, kaum dan tahap pendidikan dalam syarikat juga penting untuk membawa mereka ke peringkat yang lebih tinggi.

"Untuk bertahan, SOE dan syarikat swasta perlu mencapai prestasi lebih kukuh, pengurusan risiko lebih baik serta pelbagai idea dan inovasi.

"SOE dan syarikat swasta juga perlu mengelak mewujudkan kelompok tertentu, sebaliknya menggunakan kepel-

bagaian dari segi jantina, latar belakang etnik dan umur," katanya pada Eorum Transformasi Global, di Kuala Lumpur, semalam.

Forum dua hari yang berakhir hari ini dirasmikan oleh Perdana Menteri. Datuk Seri Najib Razak.

Bangunkan negara

Mengenai kepentingan SOE kepada pembangunan negara, Nor Mohamed berkata, syarikat berkenaan berperanan dalam membangunkan negara terutama dalam projek jangka panjang, khususnya projek yang tidak mampu dilaksanakan oleh syarikat swasta seperti intrastruktur.

Katanya, ada sektor strategik yang memerlukan sokongan kerajaan seperti usaha melahirkan syarikat tempatan menajadi juara serantau, jika bukan pada peringkat global.

Beliau berkata, gabungan optimum antara SOE dan syarikat swasta di Malaysia berjaya

membangunkan infrastruktur bertaraf dunia serta mempunyai sistem kewangan yang maju dan kukuh.

"Kita (Malaysia) adalah (negara) satu-satunya di dunia yang mempunyai dua sistem kewangan, iaitu sistem kewangan Islam dan konvensional serta melaksanakannya dengan baik.

"Gabungan antara SOE dan syarikat swasta memulakan iiberiisasi dengan pragmatik daiam sektor elektrik dan elektronik serta kemudian minyak dan gas selepas membina kemampuan tempatan dengan jayanya," katanya.

Nor Mohamed berkata, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) di Malaysia kini berada pada kedudukan kukuh, hasil daripada program Transformasi GLC 10 tahun.

Namun, katanya, masih ada bidang yang belum dilaksanakan dengan jayanya iaitu daiam iatihan kemahiran yang mana ia masih lagi gagal untuk memenuhi permintaan industri.



Najib berucap pada **Forum Transformasi Global**, di Kuala Lumpur, semalam. [FOTO AIZUDDIN SAAD/ BH]